BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/19/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 hari Rabu, 27 Mac 2019

Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2018

Ekonomi global melangkah masuk ke tahun 2018 dengan kedudukan yang positif berikutan jangkaan momentum pertumbuhan yang akan menjadi lebih kukuh berbanding dengan tahun sebelumnya. Pada awal tahun itu, perdagangan dan pertumbuhan ekonomi global terus mengalami trajektori menaik yang bermula sejak akhir tahun 2016. Namun selepas itu, ekonomi global menghadapi pelbagai rintangan termasuk konflik perdagangan yang semakin meningkat, harga komoditi yang kembali tidak menentu, dan beberapa episod turun naik dalam pasaran kewangan global. Susulan perkembangan tersebut, kebanyakan ekonomi maju yang utama dan ekonomi serantau berkembang dengan lebih perlahan. Dalam ekonomi maju, keadaan pasaran pekerja yang semakin pulih telah merangsang aktiviti penggunaan. Pertumbuhan KDNK ekonomi Asia didorong oleh permintaan dalam negeri yang berterusan dalam keadaan sokongan daripada permintaan luaran yang berkurang. Inflasi keseluruhan global pada tahun 2018 lebih tinggi, disebabkan terutamanya oleh faktor berkaitan bekalan. Kadar inflasi teras kekal sederhana bagi ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun dan ini mencerminkan tekanan permintaan yang lebih sederhana.

Keadaan kewangan global secara keseluruhan menjadi semakin ketat pada tahun 2018. Perkembangan ini mencerminkan langkah pengembalian dasar monetari global ke paras wajar serta volatiliti (turun naik) pasaran kewangan global yang lebih ketara akibat ketidakpastian yang terus dihadapi berhubung dengan dasar dan prospek ekonomi. Dasar monetari dalam kebanyakan ekonomi maju, khususnya Amerika Syarikat (AS), kekal pada landasan pengembalian dasar itu ke paras wajar. Ekonomi sedang pesat membangun juga mengalami keadaan kewangan yang lebih ketat memandangkan pengembalian dasar monetari ke paras wajar dalam ekonomi maju telah menyebabkan aliran keluar portfolio yang besar daripada aset kewangan ekonomi sedang pesat membangun. Pada masa yang sama, kegiatan penghindaran risiko yang masih berterusan akibat ketegangan perdagangan global, terus mengakibatkan perubahan sentimen pelabur secara mendadak dan mencetuskan beberapa tempoh volatiliti dalam pasaran kewangan. Apabila dana beralih daripada ekonomi sedang pesat membangun, beberapa

kelemahan juga timbul dalam beberapa ekonomi tersebut, yang mengakibatkan kegiatan penjualan mata wang di Argentina dan Turki mencapai tahap kemuncak. Sebilangan bank pusat dalam ekonomi sedang pesat membangun juga mengetatkan dasar monetari mereka disebabkan oleh kebimbangan mengenai kenaikan inflasi berikutan susut nilai mata wang masing-masing serta kenaikan harga komoditi sebelum ini. Berikutan perkembangan ini, prestasi pasaran kewangan ekonomi maju, khususnya AS dan ekonomi sedang pesat membangun, mencapah (*diverged*) hampir sepanjang tahun 2018.

Meskipun persekitaran ekonomi dan kewangan global semakin mencabar, ekonomi Malaysia menunjukkan daya tahan yang teguh dan mencatatkan pertumbuhan menggalakkan sebanyak 4.7% pada tahun 2018. Laporan Tahunan 2018 ini mengandungi analisis perkembangan ekonomi Malaysia dan menggariskan cabaran-cabaran yang mendatang. Laporan ini turut memaparkan usaha-usaha Bank yang berterusan untuk memperkukuh tadbir urus dan pembangunan organisasinya.

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2018

Ekonomi Malaysia berkembang dengan lebih sederhana pada kadar 4.7% pada tahun 2018 (2017: 5.9%). Meskipun ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan positif pada awal tahun 2018, banyak cabaran dari dalam dan luar negeri yang dihadapi pada tahun itu. Perubahan besar yang berkaitan dengan dasar dan juga perkembangan politik, sebahagiannya disebabkan oleh ketegangan perdagangan global dan perubahan bersejarah dalam pucuk pimpinan Kerajaan Malaysia yang telah mewujudkan ketidakpastian dalam ekonomi. Gangguan bekalan dalam sektor perlombongan dan pertanian yang di luar jangkaan, serta eksport komoditi yang lembap telah menjejaskan prestasi ekonomi Malaysia. Perkembangan ini lantas menyebabkan pertumbuhan menjadi lebih sederhana daripada jangkaan awal.

Permintaan dalam negeri terus menjadi teras pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Penggunaan swasta khususnya, mencatatkan pertumbuhan terpantas sejak tahun 2012 pada kadar 8.1% (2017: 7.0%). Pertumbuhan upah dan guna tenaga yang menggalakkan telah merangsang perbelanjaan isi rumah dan perbelanjaan ini turut didorong oleh pelepasan cukai selama tiga bulan (1 Jun - 31 Ogos) berikutan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax*, GST) pada kadar sifar. Perbelanjaan pengguna turut disokong oleh langkah-langkah Kerajaan yang lain seperti penetapan harga runcit petrol RON95 dan bayaran khas kepada penjawat awam dan pesara.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Selaras dengan iltizam Kerajaan untuk berbelanja mengikut keutamaan, kadar pertumbuhan penggunaan awam berkembang dengan lebih sederhana pada 3.3% (2017: 5.4%). Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) juga berkembang dengan lebih perlahan pada kadar 1.4% (2017: 6.2%) disebabkan oleh pengurangan dalam pelaburan awam dan pengembangan lebih perlahan dalam pelaburan swasta. Pelaburan awam merosot 5.2% (2017: 0.1%) disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah oleh syarikat awam. Pelaburan swasta pula berkembang lebih perlahan pada kadar 4.5% (2017: 9.3%), berikutan ketidakpastian yang meningkat akibat perkembangan di dalam dan luar negara. Namun, syarikat-syarikat, terutamanya dalam sektor berorientasikan eksport, terus meningkatkan kapasiti pengeluaran dan kecekapan bagi memenuhi permintaan.

Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi terus berkembang, kecuali sektor berkaitan komoditi. Pertumbuhan sektor perkhidmatan meningkat dengan ketara sebanyak 6.8% (2017: 6.2%), pertumbuhan tertinggi yang pernah dicatatkan sejak tahun 2011. Hal ini didorong terutamanya oleh sentimen pengguna yang lebih baik dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan lantas merangsang perbelanjaan, khususnya semasa tempoh pelepasan cukai. Sektor perkilangan berkembang sebanyak 5.0% (2017: 6.0%), disokong terutamanya oleh pengembangan berterusan dalam kelompok elektrik dan elektronik (E&E). Sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 4.2% (2017: 6.7%) disebabkan oleh kelemahan yang terdapat dalam segmen harta tanah. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan menguncup 1.5% (2017: 1.0%) disebabkan oleh kemerosotan pengeluaran gas asli. Keadaan cuaca buruk dan kekangan pengeluaran yang menjejaskan pengeluaran minyak sawit dan getah pula telah menyebabkan kemerosotan dalam sektor pertanian (2018: -0.4%; 2017: 7.2%).

Dalam pasaran pekerja, guna tenaga (*employment*) meningkat dengan kukuh pada kadar 2.5% (2017: 2.0%), atau pertambahan guna tenaga sebanyak 360,250 orang. Sementara itu, tenaga kerja (*labour force*) meningkat 2.5% (2017: 1.9%) iaitu bersamaan dengan 372,875 orang memasuki tenaga kerja. Kadar penyertaan tenaga kerja juga meningkat kepada 68.4% (2017: 68.0%). Oleh itu, kadar pengangguran kekal pada 3.4%. Pertambahan guna tenaga bersih dipacu terutamanya oleh pekerja berkemahiran tinggi dan sederhana dengan kadar peningkatan masing-masing sebanyak 1.6% dan 4.2%. Trend pemberhentian pekerja terus menurun (23,168 pekerja; 2017: 35,097 pekerja). Jumlah ini jauh lebih rendah daripada purata jangka panjang sebanyak 29,628 orang setahun. Upah agregat nominal sektor swasta dan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

sektor awam meningkat, masing-masing sebanyak 6.0% dan 4.5% (2017: masing-masing sebanyak 6.4% dan 6.2%).

Pada tahun 2018, inflasi keseluruhan menurun kepada 1.0% (2017: 3.7%). Kadar inflasi yang lebih sederhana ini sebahagian besarnya mencerminkan kesan penetapan harga runcit bahan api dan pelaksanaan GST pada kadar sifar. Faktor-faktor ini telah lebih daripada mengimbangi tekanan kos menaik yang wujud dalam beberapa tempoh pada tahun 2018. Inflasi teras lebih rendah pada kadar purata 1.6% (2017: 2.3%) dalam keadaan kesan pindahan kos yang lebih kecil kepada harga runcit dan keadaan tiada tekanan permintaan yang berlebihan.

Kedudukan luaran Malaysia kekal berdaya tahan di tengah-tengah persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar. Akaun semasa dalam imbangan pembayaran terus mencatat lebihan sebanyak 2.4% daripada PNK (2017: 3.1% daripada PNK). Perkembangan ini adalah hasil daripada lebihan barangan yang lebih tinggi dan defisit perkhidmatan yang lebih kecil. Keadaan ini telah lebih daripada mengimbangi defisit akaun pendapatan. Eksport kasar mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 6.8% (2017: 18.8%), didorong oleh eksport perkilangan yang telah membantu mengimbangi sebahagian daripada kemerosotan eksport komoditi. Pertumbuhan import kasar juga sederhana pada kadar 4.9% (2017: 19.7%), disebabkan oleh import barangan pengantara dan barangan modal yang lebih rendah.

Perkembangan dalam aliran modal didominasi oleh pergerakan aliran kewangan jangka pendek pada sebahagian besar tahun 2018 apabila akaun kewangan dalam imbangan pembayaran mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM18.6 bilion (2017: aliran keluar bersih sebanyak RM4.7 bilion). Kebalikan pelaburan portfolio oleh pelabur bukan pemastautin yang berlaku dalam keadaan pasaran kewangan global yang semakin tidak menentu diimbangi oleh aliran masuk yang besar ke dalam akaun pelaburan lain. Aliran jangka panjang pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) berterusan pada kadar yang lebih sederhana, sementara syarikat dan pelabur institusi domestik terus membuat pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad,* DIA).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah USD101.4 bilion pada akhir tahun 2018 berbanding dengan USD102.4 bilion pada akhir tahun 2017. Pada 28 Februari 2019, rizab antarabangsa berjumlah USD102.4 bilion. Kedudukan rizab ini berada pada paras yang mencukupi untuk memudahkan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

urus niaga antarabangsa dan memadai untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh dan 1.0 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM924.9 bilion pada akhir tahun 2018, bersamaan dengan USD221.0 bilion atau 64.7% daripada KDNK (akhir tahun 2017: RM885.2 bilion bersamaan dengan USD215.9 bilion atau 65.4% daripada KDNK). Peningkatan hutang luar negeri ini didorong terutamanya oleh peningkatan peminjaman antara bank serta pinjaman korporat untuk membiayai aktiviti pelaburan. Selain itu, kesan penilaian berikutan susut nilai ringgit berbanding dengan mata wang serantau dan mata wang utama terpilih, yang terutamanya berlaku pada suku kedua dan ketiga 2018, juga telah menyebabkan hutang luar negeri yang lebih tinggi. Pendedahan hutang luar negeri kekal terkawal. Profil kedudukan kewangan luaran yang menggalakkan merentas instrumen, tempoh matang dan mata wang telah diperkukuh oleh pemegangan aset luaran bank dan syarikat domestik, yang seterusnya mengurangkan potensi risiko.

Secara keseluruhan, asas-asas ekonomi yang kukuh dan struktur ekonomi Malaysia yang pelbagai telah memberi Malaysia keupayaan untuk menghadapi rintangan dan cabaran. Dasar yang fleksibel dan langkah awalan yang diambil memastikan risiko yang timbul dapat dikurangkan. Kedudukan luaran Malaysia terus kukuh, dengan adanya lebihan dalam akaun semasa, rizab antarabangsa yang mencukupi dan dedahan hutang luar negeri yang kekal terkawal. Kedudukan luaran yang kukuh, bersama-sama kadar pertukaran mata wang yang fleksibel serta sistem kewangan yang lebih maju, berjaya mengurangkan impak aliran modal yang tidak menentu ke atas pasaran kewangan domestik. Intervensi melalui pertukaran asing secara wajar serta pelaksanaan langkah-langkah pasaran kewangan secara berhemat sepanjang tempoh ketidaktentuan ini juga mengesahkan pentingnya tindak balas dasar yang pragmatik dan tepat pada masanya untuk mengurus risiko dan menyokong pertumbuhan.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2018

Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) mengambil keputusan untuk mengembalikan tahap akomodatif dasar monetari ke paras yang wajar pada mesyuarat MPC bulan Januari 2018 dengan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%. Dalam penilaian MPC, keadaan ekonomi yang mendorong pengurangan OPR pada bulan Julai 2016, telah menjadi jauh lebih baik. Namun, pelarasan OPR ini bukan bertujuan untuk mengetatkan keadaan monetari, memandangkan pendirian dasar monetari secara

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

keseluruhannya terus menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Dengan tahap akomodatif dasar monetari kembali ke paras yang wajar, langkah ini telah menyumbang ke arah usaha memelihara pertumbuhan yang mampan. Selain itu, langkah itu juga untuk memastikan terdapat ruang dasar yang lebih daripada mencukupi sekiranya berlaku sebarang kejutan terhadap ekonomi pada masa depan. MPC juga menekankan perlunya tindakan awal diambil bagi membendung peningkatan risiko yang mungkin timbul daripada kadar faedah yang terlalu rendah untuk tempoh yang lama meskipun risiko ketidakseimbangan kewangan masih terkawal.

Walau bagaimanapun, menjelang pertengahan tahun 2018, prospek pertumbuhan global dan dalam negeri beranjak. Meskipun ekonomi global terus berkembang, prestasi pertumbuhan merentas ekonomi didapati semakin berbeza dan terdapat tanda-tanda momentum pertumbuhan yang semakin perlahan. Di dalam negeri, kejutan penawaran komoditi yang di luar jangkaan dan perbelanjaan sektor awam yang lebih rendah menyebabkan pertumbuhan KDNK yang perlahan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan penggunaan swasta yang baik berikutan perbelanjaan isi rumah yang lebih giat berikutan pelaksanaan GST pada kadar sifar, telah menyokong pertumbuhan dalam negeri dalam tempoh tersebut. Setelah mengambil kira semua faktor tersebut, pertumbuhan ekonomi Malaysia secara keseluruhannya dijangka kekal kukuh. Sepanjang tahun 2018, inflasi asas diunjurkan menjadi sederhana berikutan jangkaan kesan pindahan yang lebih kecil daripada faktor-faktor kos luaran dan kos dalam negeri serta ketiadaan tekanan permintaan yang berlebihan. Selepas OPR dinaikkan pada bulan Januari 2018, OPR dikekalkan pada kadar semasa sepanjang tahun itu. Tahap akomodatif dasar monetari adalah sejajar dengan pendirian dasar yang dihasratkan, iaitu memastikan pertumbuhan ekonomi dalam negeri berterusan dan harga kekal stabil.

Sepanjang tahun 2018, pasaran kewangan domestik mengalami peralihan dalam aliran portfolio bukan pemastautin. Hal ini terutamanya mencerminkan perubahan sentimen pelabur dan tahap kesanggupan mereka mengambil risiko. Pada suku pertama 2018, momentum pasaran kewangan global yang kukuh sejak tahun 2017 berterusan dan sentimen pelabur terus disokong oleh prospek ekonomi yang cerah dalam negara sedang pesat membangun. Hasilnya, permintaan untuk aset pelaburan ringgit menyokong kadar pertukaran ringgit dan juga harga bon dan ekuiti domestik. Walau bagaimanapun, trend ini berubah sejak suku kedua apabila isu ketidakpastian global dan domestik menekan sentimen pelabur. Bagi keseluruhan tahun 2018, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.8% untuk mengakhiri tahun itu pada paras RM4.1385 berbanding dengan dolar AS dan kekal sebagai salah satu mata wang dengan prestasi yang lebih baik di rantau ini. Keluk kadar hasil

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) mengalami anjakan menaik dan ini mencerminkan peningkatan kadar hasil bon bagi semua tempoh matang.

Prestasi pasaran kewangan domestik secara relatif adalah baik, dan pasaran ini terus menjadi pengantara bagi perubahan dalam aliran modal, secara stabil dan teratur. Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh dasar yang diperkenalkan oleh Bank dan Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC) pada akhir tahun 2016. Mudah tunai pertukaran asing bertambah baik berikutan pengenalan langkah penukaran eksport. Selain itu, pelaksanaan langkah untuk membendung urus niaga kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward, NDF) telah mengehadkan kesan limpahan daripada kegiatan spekulasi di pasaran luar pesisir yang tidak dikawal selia. Pelarasan dalam pasaran modal domestik juga terkawal berikutan permintaan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik yang mengimbangi sebahagian besar daripada kesan aliran keluar.

Pada tahun 2018, keadaan monetari dan kewangan domestik serta peningkatan kukuh dalam pembiayaan kepada sektor swasta telah menyokong aktiviti ekonomi. Operasi monetari Bank terus memastikan mudah tunai adalah mencukupi bagi menyokong fungsi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing yang teratur. Kesan penguncupan terhadap mudah tunai akibat aliran keluar portfolio yang besar telah diimbangi oleh operasi suntikan mudah tunai oleh Bank melalui kemudahan repo berbalik dan swap pertukaran asing. Hasilnya, penentuan harga dalam pasaran wang domestik tidak terganggu dan kadar pasaran wang juga kekal stabil pada tahun 2018. Mudah tunai sistem perbankan secara keseluruhannya kekal mencukupi untuk menyokong proses pengantaraan kewangan. Pembiayaan bersih kepada sektor swasta mencatatkan pertumbuhan tahunan 5.6% pada akhir tahun 2018 (2017: 6.3%). Pinjaman terkumpul meningkat pada kadar yang lebih tinggi, iaitu 4.8%, didorong terutamanya oleh segmen perniagaan.

Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2019

Ekonomi global dijangka berkembang dengan sederhana pada tahun 2019 berikutan pertumbuhan lebih perlahan dalam ekonomi maju dan negara-negara utama dalam ekonomi sedang pesat membangun. Aktiviti ekonomi di negara maju dijangka menjadi lebih sederhana. Walaupun kekuatan pasaran pekerja akan terus menyokong permintaan dalam negeri, pelaburan dan permintaan luaran yang makin sederhana akan memperlahankan kadar pertumbuhan keseluruhan. Di RR China, pembaharuan struktur yang sedang dijalankan untuk mengimbangi semula ekonomi negara itu mungkin

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

menyebabkan pertumbuhan yang sedikit perlahan, tetapi lebih mampan. Di negara Asia yang lain, pertumbuhan akan menjadi lebih sederhana di tengah-tengah keadaan permintaan dalam negeri yang stabil tatkala sektor eksport membuat penyesuaian terhadap kelembapan dalam ekonomi maju dan RR China. Perkembangan perdagangan global akan terus menjadi faktor utama yang mempengaruhi prospek tahun 2019. Ketidakpastian yang berpanjangan mengenai dasar boleh menjejaskan keputusan pelaburan lantas mempengaruhi peningkatan produktiviti jangka panjang. Ketidakpastian pelabur yang kekal tinggi dan juga beberapa episod volatiliti dalam pasaran kewangan akan menimbulkan risiko turun naik aliran modal yang lebih besar kepada ekonomi sedang pesat membangun. Secara keseluruhan, risiko kepada prospek pertumbuhan ekonomi global cenderung untuk meningkat.

Berlatarkan persekitaran global yang mencabar, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh pada kadar 4.3% – 4.8% pada tahun 2019 (2018: 4.7%). Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai teras pertumbuhan, disokong oleh peningkatan dalam aktiviti sektor swasta yang berterusan. Penggunaan swasta dijangka berkembang dengan sederhana, namun kekal pada paras yang teguh didorong oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan. Beberapa langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan, khususnya untuk menangani kenaikan kos sara hidup, dijangka meningkatkan lagi sokongan kepada perbelanjaan penggunaan, terutamanya bagi isi rumah yang berpendapatan lebih rendah. Aktiviti pelaburan swasta akan terus disokong oleh projek berbilang tahun yang sedang dilaksanakan, khususnya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Aktiviti pengurangan stok oleh syarikat kepada paras yang sewajarnya selepas menerima permintaan yang amat tinggi semasa tempoh pelepasan cukai pada tahun 2018 turut memberikan sokongan tambahan kepada pertumbuhan. Namun, perbelanjaan sektor awam dijangka memberikan kesan terhadap pertumbuhan. Pelaburan awam dijangka menguncup disebabkan terutamanya oleh pelaburan yang lebih rendah oleh syarikat awam berikutan beberapa projek berskala besar telah pun siap. Penggunaan awam pula dijangka berkembang dengan sederhana, disebabkan oleh langkah berterusan oleh Kerajaan untuk menyusun semula perbelanjaannya mengikut keutamaan.

Sektor luaran dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana. Walaupun sektor eksport dijangka menjadi sederhana sejajar dengan pertumbuhan ekonomi global dan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan, struktur eksport Malaysia yang amat pelbagai akan menyumbang kepada pengembangan eksport kasar yang berterusan. Import kasar dijangka berkembang disebabkan oleh pemulihan dalam import barangan pengantara

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

dan barangan modal. Secara keseluruhan, akaun semasa dalam imbangan pembayaran diunjurkan terus mencatat lebihan, walaupun kadarnya lebih kecil pada 1.5% – 2.5% daripada PNK.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi dijangka terus berkembang, dengan sektor perkhidmatan dan perkilangan terus menjadi sektor penyumbang utama pertumbuhan keseluruhan. Sektor perlombongan dan pertanian dijangka mencatatkan pertumbuhan positif berikutan pemulihan pengeluaran gas asli serta pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi. Pertumbuhan sektor pembinaan dijangka sederhana memandangkan siapnya beberapa projek petrokimia yang besar dalam subsektor kejuruteraan awam.

Keadaan pasaran pekerja dijangka stabil, dengan pertumbuhan guna tenaga dan pendapatan yang berterusan, ditunjangi oleh pengembangan berterusan dalam aktiviti sektor perkhidmatan dan perkilangan. Kadar pengangguran secara relatif dijangka tidak berubah. Dalam jangka panjang, pelaksanaan dasar Kerajaan seperti bayaran levi berperingkat dan caruman keselamatan sosial untuk pekerja asing merupakan langkah positif untuk mengurangkan pergantungan pada tenaga kerja asing dan menggalakkan pembentukan pekerjaan yang lebih berkemahiran dan berpendapatan tinggi dalam ekonomi.

Inflasi keseluruhan dijangka kekal stabil secara amnya, dengan purata tahunan antara 0.7% – 1.7% pada tahun 2019. Unjuran inflasi ini mengambil kira kesan pindahan daripada faktor kos dalam negeri yang meningkat. Walau bagaimanapun, impak kenaikan ini diimbangi oleh harga minyak dunia yang dijangka lebih rendah dan pelaksanaan had paras harga bagi harga runcit bahan api dalam negeri. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka mampan dalam keadaan pengembangan aktiviti ekonomi yang berterusan dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

Secara keseluruhan, unjuran pertumbuhan dalam negeri, bagaimanapun, akan dipengaruhi oleh beberapa risiko yang boleh menyebabkan pertumbuhan menjadi lebih rendah. Sebagai ekonomi terbuka yang kecil, ketegangan perdagangan antara AS dengan RR China yang masih belum selesai, serta pertumbuhan global yang lebih perlahan daripada jangkaan akan memberikan kesan kepada Malaysia terutamanya menerusi saluran perdagangan dan pelaburan. Ketidakpastian mengenai kadar pengembalian dasar monetari ke tahap yang wajar di AS boleh mengakibatkan keadaan tidak menentu yang lebih ketara dalam pasaran kewangan ekonomi sedang pesat membangun. Hal ini lantas boleh menyebabkan aliran masuk keluar modal serta mata wang menjadi tidak menentu. Harga minyak dunia yang tidak menentu juga boleh menjejaskan prestasi eksport dan pelaburan sektor

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

perlombongan. Dari segi risiko dalam negeri pula, kemungkinan berulangnya gangguan ke atas bekalan komoditi, yang sebahagiannya disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak boleh dijangka, boleh menjejaskan pemulihan dalam sektor perlombongan dan pertanian. Selain itu, keadaan bekalan yang berlebihan dalam pasaran harta tanah boleh melembapkan aktiviti sektor pembinaan.

Asas-asas yang kukuh dan kepelbagaian struktur ekonomi Malaysia akan membantu negara untuk menghadapi risiko dan kelemahan ini sambil pada masa yang sama terus memastikan keadaan makroekonomi dan kewangan negara kekal stabil. Faktor-faktor ini termasuklah pasaran pekerja yang kukuh, kadar inflasi yang stabil, lebihan dalam akaun semasa imbangan pembayaran yang berterusan, pasaran kewangan yang mendalam serta sektor kewangan yang teguh. Kadar pertukaran mata wang yang fleksibel dan paras rizab antarabangsa yang mencukupi juga meningkatkan keupayaan ekonomi untuk bertahan daripada sebarang kejutan luaran. Tambahan lagi, iltizam Kerajaan dalam pembaharuan fiskal, struktur dan institusi akan menyumbang ke arah pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan pada masa hadapan.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2019

Dasar monetari pada tahun 2019 akan tertumpu pada usaha menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kekal stabil dalam persekitaran inflasi yang secara relatif rendah. Pada masa yang sama, dasar monetari akan turut mengambil kira keadaan monetari dan kewangan semasa. Walaupun risiko ketidakseimbangan kewangan dijangka terkawal, MPC menyedari cabaran yang akan timbul daripada kemungkinan aliran modal global yang terus tidak menentu. Sehubungan dengan itu, Bank akan terus memastikan mudah tunai yang mencukupi dan keadaan pasaran yang teratur untuk terus menyokong aktiviti pengantaraan kewangan. Pelbagai pilihan dasar yang ada memberi Bank ruang yang fleksibel untuk mengurus risiko yang akan dihadapi. Antara dasar yang boleh dipertimbangkan termasuklah dasar monetari dan langkah-langkah kehematan mikro dan makro. Langkah-langkah untuk terus memperdalam pasaran kewangan domestik juga akan menyumbang kepada keadaan pasaran yang teratur. Gabungan kesan dasar tersebut akan memastikan keberkesanan dasar dapat terus dikekalkan dan tidak membebankan mana-mana instrumen dasar.

Matlamat dasar fiskal pada tahun 2019 adalah untuk memperkukuh kedudukan fiskal Kerajaan, melalui konsolidasi fiskal secara beransur-ansur di samping terus memberikan sokongan kepada pertumbuhan, mengurangkan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

hutang dan liabiliti serta menggalakkan ekonomi yang inklusif. Sehubungan dengan itu, rancangan fiskal jangka sederhana menggariskan haluan konsolidasi dengan baki fiskal disasarkan pada -3.4% dan -3.0% daripada KDNK, masing-masing untuk tahun 2019 dan 2020. Haluan konsolidasi fiscal akan disokong oleh pelbagai inisiatif pembaharuan fiskal, termasuk meningkatkan keberkesanan perbelanjaan, mempelbagaikan dan memperluas asas hasil dan menggalakkan pengurusan hutang secara holistik dan telus. Belanjawan 2019 memberikan penekanan terhadap usaha meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi, mengukuhkan program perlindungan sosial, menambah baik kebolehpasaran guna tenaga dan melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan tahap produktiviti, terutamanya bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kerajaan akan terus komited untuk memastikan kelestarian fiscal dan rangka kerja tadbir urus yang lebih kukuh melalui pelaksanaan pembaharuan fiskal secara holistik.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2018

Seperti yang diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia kekal kukuh pada tahun 2018. Aset Bank Negara Malaysia berjumlah RM447.6 bilion, dengan keuntungan bersih sebanyak RM7.5 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Bank Negara Malaysia mengumumkan dividen sebanyak RM2.5 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2018.

Bank Negara Malaysia
27 Mac 2019

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Jadual 1.2

Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	2016	2017	2018*a*	2019*r*
Populasi (juta orang)	31.6	32.0	32.4	32.7
Tenaga kerja (juta orang)	14.7	15.0	15.3	15.6
Guna tenaga (juta orang)	14.2	14.5	14.8	15.1
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.4	3.4	3.4	3.3 ~ 3.5
Pendapatan Per Kapita (RM)	37,823	41,093	42,627	44,275
(USD)	9,118	9,556	10,564	10,809[3]
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar pada harga tahun 2010	4.2	5.9	4.7	4.3 ~ 4.8
(RM bilion)	1,108.9	1,174.3	1,229.8	1,287.9
Pertanian, perhutanan dan perikanan	-5.2	7.2	-0.4	2.8
Perlombongan dan pengkuarian	2.1	1.0	-1.5	0.8
Perkilangan	4.4	6.0	5.0	4.8
Pembinaan	7.4	6.7	4.2	3.0
Perkhidmatan	5.7	6.2	6.8	5.7
PNK nominal	6.2	10.1	4.8	5.0
(RM bilion)	1,196.4	1,317.0	1,380.5	1,449.6
PNK benar	4.4	6.0	3.5	4.9
(RM bilion)	1,085.7	1,151.3	1,191.5	1,249.5
Agregat permintaan dalam negeri benar[1]	4.3	6.5	5.6	4.4
Perbelanjaan swasta	5.6	7.5	7.2	6.2
Penggunaan	6.0	7.0	8.1	6.6
Pelaburan	4.3	9.3	4.5	4.9
Perbelanjaan awam	0.3	3.3	0.1	-1.8
Penggunaan	0.9	5.4	3.3	1.2
Pelaburan	-0.5	0.1	-5.2	-7.1
Tabungan negara kasar (% daripada PNK)	29.1	29.3	26.9	26.0
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Imbangan barangan	102.0	116.8	121.4	116.2
Eksport	686.9	807.0	836.4	845.5
Import	584.8	690.2	715.0	729.3
Imbangan perkhidmatan	-18.9	-22.8	-19.7	-19.8
Pendapatan primer, bersih	-34.6	-36.4	-49.4	-50.2
Pendapatan sekunder, bersih	-18.6	-17.3	-18.8	-18.2
Imbangan akaun semasa	29.9	40.3	33.5	28.0
(% daripada PNK)	2.5	3.1	2.4	1.5 ~ 2.5
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[2]	423.9	414.6	419.5	-
(dalam bulan import tertangguh)	8.7	7.2	7.4	-
HARGA (% perubahan)				
IHP (2010=100)	2.1	3.7	1.0	0.7 ~ 1.7
IHPR (2010=100)	-1.1	6.7	-1.1	-

[1] Tidak termasuk stok
[2] Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank Negara Malaysia yang telah diaudit
[3] Berdasarkan kadar pertukaran purata dolar AS bagi tempoh Januari-Februari 2019
a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia